



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**NILAI-NILAI MURNI MERENTAS KURIKULUM MENERUSI WATAK UTAMA
DALAM NOVEL KOMSAS TINGKATAN LIMA**

NURUL RAIHANA BINTI ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGAJIAN KURIKULUM)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti nilai-nilai murni merentas kurikulum yang terdapat dalam setiap novel KOMSAS tingkatan lima yang ditonjolkan oleh watak utama. Kajian berbentuk analisis kandungan ini menganalisis kekerapan penonjolan 16 nilai murni yang digariskan dalam Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang terdapat dalam novel-novel tersebut. Usaha mengenal pasti nilai-nilai murni KBSM ini adalah untuk mengisi kelompangan kajian-kajian terdahulu yang kebanyakannya mengenal pasti nilai murni dalam karya sastera Melayu namun tidak bertujuan dinilai dalam aspek penilaian input merentas kurikulum. Oleh itu, kandungan nilai-nilai murni KBSM tidak dapat dipastikan dengan jelas. Kajian analisis deskriptif ini telah melanjutkan penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh sarjana Ariff Mohamad dengan lebih mendalam iaitu ciri ketiga daripada 6 ciri novel KOMSAS yang baik yang telah dikemukakan iaitu ciri ‘mengandungi nilai-nilai murni’. Nilai-nilai murni yang dianalisis adalah baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan mental dan fizikal, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, dan semangat bermasyarakat. Nilai-nilai murni disoroti secara terperinci dari sudut Tiga Komponen Karakter yang Baik oleh Thomas Lickona dan Tiga Dimensi Etika Utama oleh Abdul Rahman Aroff iaitu pentaakulan moral, perasaan moral, dan perlakuan moral. Kajian ini juga bertujuan untuk membandingkan kekerapan nilai murni yang ditonjolkan oleh watak utama dalam setiap novel KOMSAS tingkatan lima. Walaupun hasil kajian mendapati hanya 3 buah novel yang mengandungi kesemua 16 nilai murni iaitu novel Zon I, Zon II dan Zon IV, sumbangan novel Zon III tidak dinafikan walaupun hanya mencatatkan sebanyak 14 nilai sahaja. Oleh itu, hasil kajian memperakukan keempat-empat buah novel KOMSAS iaitu Songket Berbenang Emas, Tirani, Bimasakti Menari dan Silir Daksina telah menepati kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menuntut penerapan aspek efektif sebagai salah satu teras kepada pembinaan modal insan yang holistik. Kajian ini telah menyumbangkan perincian ciri nilai murni dari sudut Tiga Dimensi Etika Utama dalam proses penilaian novel KOMSAS yang baik dan menjadi panduan kepada penulis novel bagi mengintegrasikan nilai-nilai murni KBSM dalam pembentukan watak utama sesebuah novel.





NOBLE VALUES ACROSS CURRICULUM THROUGHOUT THE MAIN CHARACTERS IN FORM FIVE'S LITERATURE NOVELS

ABSTRACT

This research is to identify the noble values across curriculum which are portrayed by the main characters in each form five's literature component novels. This content analysis points out the frequency of 16 noble values which are outlined in the Integrated Curriculum for Secondary School depicted in those novels. The purpose of the detection of noble values is to fulfil the gap in previous literature researches which mostly identified the noble values but not purposely done in the aspect of input evaluation across curriculum. Therefore, those curriculum noble values had never been detected clearly. This descriptive analysis research extends the research further which previously have been carried out by scholar Ariff Mohamad on the third element out of 6 approved elements of a good literature novel. The third element is 'the novel should contain noble values'. The noble values which have been analysed are kind-hearted, independent, courtesy, dignity, love, justice, freedom, fortitude, purity in terms of mental and physical, honesty, diligence, cooperative, humble, gratitude, rational and socialization. These values are thoroughly illustrated in Three Components of Good Character by Thomas Lickona and Three Main Dimensional Ethics by Abdul Rahman Aroff which are moral reasoning, moral feeling and moral action. This research also aims to compare the frequencies of noble values portrayed by the main characters in each of the form five's literature novels. Even though the result of the research shows only 3 novels contain noble values which are Zon I novel, Zon II novel, and Zon IV novel, the contributions of Zon III novel cannot be denied even it contains only 14 noble values. Therefore, the result of the research certifies all four literature novels which are Songket Berbenang Emas, Tirani, Bimasakti Menari dan Silir Daksina as the qualified novels to the National Education Philosophy requirement to instil affective aspect as one of the holistic key to human capital developments. This research contributes to the specification of noble values in Three Main Dimensional Ethics in the process of evaluation of a good novel as guidelines to other authors to integrate all the Integrated Curriculum for Secondary School noble values in formation of characters of a novel.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SINGKATAN PERKATAAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang	4
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Objektif Kajian	19
1.5	Persoalan Kajian	21
1.6	Kepentingan Kajian	22
1.7	Batasan Kajian	25
1.8	Definisi Istilah	26
1.9	Kerangka Konsep	29
1.10	Ringkasan	31

**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	32
2.2	Model Kurikulum Tyler	33
2.3	Model Penilaian Kurikulum Stufflebeam	42
2.4	Penggunaan Novel dalam KOMSAS	48
2.5	Nilai-nilai Murni dalam Kurikulum	53
2.6	Tiga Komponen Karakter yang Baik (<i>Components of Good Character</i>) dan Tiga Dimensi Etika Utama	67
2.7	Kajian-Kajian yang Terdahulu	74
2.8	Kerangka Teori	82
2.9	Ringkasan	84

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	85
3.2	Reka Bentuk Kajian	86
3.3	Dokumen yang Dianalisis	89
3.4	Instrumen Penilaian	90
3.5	Kesahan Pakar dan Kebolehpercayaan	97
3.6	Prosedur Perolehan Instrumen Kajian	103
3.7	Prosedur Analisis Dokumen dan Carta Alir	104
3.8	Ringkasan	107

BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	108
4.2	Hasil Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian	109
4.2.1	Apakah Nilai-Nilai Murni Merentas Kurikulum yang Terdapat dalam Setiap Novel KOMSAS Tingkatan Lima yang Ditonjolkan oleh Watak Utama?	109



4.2.2	Apakah Nilai-Nilai Murni Merentas Kurikulum yang Terdapat dalam Setiap Novel KOMSAS Tingkatan Lima yang Ditonjolkan oleh Watak Utama dari Sudut Pentaakulan Moral?	152
4.2.3	Apakah Nilai-Nilai Murni Merentas Kurikulum yang Terdapat dalam Setiap Novel KOMSAS Tingkatan Lima yang Ditonjolkan oleh Watak Utama dari Sudut Perasaan Moral?	159
4.2.4	Apakah Nilai-Nilai Murni Merentas Kurikulum yang Terdapat dalam Setiap Novel KOMSAS Tingkatan Lima yang Ditonjolkan oleh Watak Utama dari Sudut Perlakuan Moral?	168
4.2.5	Adakah Terdapat Perbezaan Kekerapan Nilai Murni yang Ditonjolkan oleh Watak Utama dalam Setiap Novel KOMSAS Tingkatan Lima?	180
4.2.6	Adakah Terdapat Perbezaan Kekerapan Nilai Murni yang Ditonjolkan oleh Watak Utama dalam Setiap Novel KOMSAS Tingkatan Lima dari Sudut Pentaakulan Moral?	182
4.2.7	Adakah Terdapat Perbezaan Kekerapan Nilai Murni yang Ditonjolkan oleh Watak Utama dalam Setiap Novel KOMSAS Tingkatan Lima dari Sudut Perasaan Moral?	187
4.2.8	Adakah Terdapat Perbezaan Kekerapan Nilai Murni yang Ditonjolkan oleh Watak Utama dalam Setiap Novel KOMSAS Tingkatan Lima dari Sudut Perlakuan Moral?	190

4.3	Ringkasan	194
-----	-----------	-----

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	195
5.2	Perbincangan dan Analisis Watak-watak Utama	196



5.3	Implikasi	208
5.4	Cadangan	211
5.5	Kesimpulan	214
	RUJUKAN	215



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Jadual 16 Nilai Murni dan Takrifannya	54
2.2	Jadual Komponen Karakter yang Baik dan Tiga Dimensi Etika Utama dan	70
3.1	Novel-novel KOMSAS Tingkatan Lima Mengikut Zon	89
3.2	Bilangan Bab dan Watak Utama dalam Novel-novel KOMSAS Tingkatan Lima	90
3.3	Jadual Pengkelasan Nilai-nilai Murni Watak Utama Mengikut Tiga Dimensi Etika Utama	92
3.4	Jadual Penerapan Keseluruhan 16 Nilai Murni Watak Utama Mengikut 3 Dimensi Etika Utama	94
3.5	Jadual Perbandingan Penerapan 16 Nilai Murni Menerusi Watak Utama	96
3.6	Jadual Rumusan Kesahan Pakar	103
4.1	Nilai-nilai Murni KBSM dalam Novel Zon I (Songket Berbenang Emas)	111
4.2	Nilai-nilai Murni KBSM dalam Novel Zon II (Tirani)	115
4.3	Nilai-nilai Murni KBSM dalam Novel Zon III (Bimasakti Menari)	119
4.4	Nilai-nilai Murni KBSM dalam Novel Zon IV (Silir Daksina)	122

4.5	Nilai-nilai Murni KBSM Menerusi Dimensi Pentaakulan Moral (PTM) dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Zon I	152
4.6	Nilai-nilai Murni KBSM Menerusi Dimensi Pentaakulan Moral (PTM) dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Zon II	153
4.7	Nilai-nilai Murni KBSM Menerusi Dimensi Pentaakulan Moral (PTM) dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Zon III	155
4.8	Nilai-nilai Murni KBSM Menerusi Dimensi Pentaakulan Moral (PTM) dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Zon IV	157
4.9	Nilai-nilai Murni KBSM Menerusi Dimensi Perasaan Moral (PRM) dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Zon I	159
4.10	Nilai-nilai Murni KBSM Menerusi Dimensi Perasaan Moral (PRM) dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Zon II	162
4.11	Nilai-nilai Murni KBSM Menerusi Dimensi Perasaan Moral (PRM) dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Zon III	164
4.12	Nilai-nilai Murni KBSM Menerusi Dimensi Perasaan Moral (PRM) dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Zon IV	166
4.13	Nilai-nilai Murni KBSM Menerusi Dimensi Perlakuan Moral (PLM) dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Zon I.	168
4.14	Nilai-nilai Murni KBSM Menerusi Dimensi Perlakuan Moral (PLM) dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Zon II	171
4.15	Nilai-nilai Murni KBSM Menerusi Dimensi Perlakuan Moral (PLM) dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Zon III	173
4.16	Nilai-nilai Murni KBSM Menerusi Dimensi Perlakuan Moral (PLM) dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Zon IV	176
4.17	Jadual Perbandingan Penerapan 16 Nilai Murni Watak Utama	179



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1.	Kerangka Konsep	29
2.1.	Kerangka Teori	82
3.1.	Carta Alir	106





SINGKATAN PERKATAAN

<i>CIPP</i>	<i>Context, Input, Process, & Product</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KOMSAS	Komponen Kesusasteraan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
<i>PBL</i>	<i>Problem Based Learning</i>
PLM	Perlakuan Moral
PRM	Perasaan Moral
PTM	Pentaakulan Moral





SENARAI LAMPIRAN

- A Persidangan yang Disertai
- B Penerbitan
- C Catatan Data Mentah





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Hala tuju sistem pendidikan Malaysia adalah berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). FPK yang telah digubal sangat menekankan tentang pembinaan modal insan yang berteraskan kepada pembangunan intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kesemua aspek ini merangkumi tiga domain utama dalam perkembangan manusia iaitu domain kognitif, domain psikomotor, dan domain afektif. Malah,





Taksonomi Bloom yang diperkenal oleh ahli psikologi pendidikan Benjamin Bloom bersandarkan kepada domain-domain tersebut. Menurut Anderson dan Krathwohl (2001), Taksonomi Bloom yang merangkumi pengajaran dan perancangan pengajaran selama hampir 50 tahun sebelum disemak semula pada tahun 2001 adalah suatu bentuk klasifikasi yang penting dalam pembelajaran. Domain kognitif yang mewakili aspek intelek melibatkan kemampuan berfikir, memahami, menilai, menganalisis dan lain-lain kegiatan mental. Potensi intelek ialah keupayaan mental yang mempunyai kaitan dengan daya fikir dan akal seseorang individu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Tujuan perkembangan intelek ditekankan adalah untuk memastikan seseorang individu memperoleh kemahiran asas 3M (menulis, membaca, dan mengira), kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran mendapatkan, meningkatkan dan menyebarkan ilmu, dan yang terakhir ialah kemahiran



memanfaatkan ilmu untuk diri dan orang lain. Oleh itu, aktiviti akademik yang

berteraskan pengasahan pemikiran seperti aktiviti-aktiviti minda dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti minda ini berlaku dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas merangkumi semua mata pelajaran. Sebarang soal jawab, perbincangan berkumpulan, soalan penyelesaian masalah atau soalan peperiksaan melibatkan domain kognitif.

Domain psikomotor pula melibatkan perkembangan fizikal atau jasmani. Potensi jasmani merupakan keupayaan psikomotor yang dimiliki oleh seseorang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Ia berkaitan dengan kecergasan fizikal diri manusia. Perkembangan unsur jasmani adalah suatu keperluan untuk memastikan





seseorang individu berupaya menjaga kesihatan badan, melakukan riadah, mengembangkan bakat, kemahiran teknikal, kemahiran manipulatif, memanfaatkan tenaga fizikal untuk berdikari, menggunakan tenaga fizikal untuk berdikari, menggunakan tenaga fizikal untuk berdikari, menggunakan tenaga fizikal untuk kepentingan rakyat, dan berusaha meningkatkan daya pengeluaran. Sebarang aktiviti fizikal yang mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh merupakan interpretasi domain ini. Misalnya pengetahuan tentang ilmu kejuruteraan enjin yang diperoleh dalam kelas yang akhirnya diaplikasikan ilmu tersebut dalam alam kehidupan sebenar apabila berlaku kerosakan pada enjin kenderaan. Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, domain psikomotor lazimnya dipraktikkan dalam aktiviti fizikal yang berpusatkan pelajar seperti bermain dan melakukan eksperimen.



Domain kognitif dan psikomotor telah dijelaskan fungsinya yang mewakili aspek masing-masing iaitu intelektual dan jasmani. Bagi domain afektif pula, terdapat dua aspek yang diwakilinya iaitu potensi rohani dan emosi. Potensi rohani yang telah dihuraikan oleh FPK adalah berkaitan dengan kalbu dan jiwa yang melibatkan hubungan manusia dengan tuhan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Tujuan aspek rohani ini diperkembangkan adalah untuk membentuk individu yang menyedari dan menginsafi kewujudan tuhan. Selain itu, sifat menghargai dan mensyukuri atas pemberian tuhan juga dapat dipupuk. Tiga kepentingan yang berikutnya ialah menyedari dan menginsafi tanggungjawab, membentuk akhlak mulia, serta memupuk dan membina disiplin sendiri. Oleh kerana tingkah laku dan tindakan seseorang itu dipengaruhi oleh emosi, maka pembangunan emosi sangat dititikberatkan oleh FPK.





Emosi didefinisikan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan jiwa dan perasaan seseorang. Dengan menitikberatkan aspek ini, diharapkan individu mampu mengawal tingkah laku dan berperasaan tenang, memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang, mempunyai semangat kekitaan dan perpaduan, menghargai serta menilai keindahan dan kesenian. Domain afektif disampaikan secara langsung menerusi mata pelajaran seperti Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik, dan Pendidikan Islam. Domain afektif juga disampaikan secara tidak langsung melalui penerapan nilai-nilai murni dalam sesi pengajaran dan pembelajaran semua mata pelajaran di sekolah. Nilai-nilai murni disisipkan ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sama ada melalui bahan, aktiviti ataupun amalan. Ruang untuk menerapkan nilai-nilai murni adalah berbeza mengikut mata pelajaran, terdapat mata pelajaran yang mempunyai ruang yang luas untuk menerapkan nilai murni dan ada pula mata pelajaran yang terhad.



1.2 Latar Belakang

Pendidikan di Malaysia sangat mementingkan aspek-aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Hal ini selari dengan hasrat FPK yang mementingkan intelek, rohani, emosi, dan jasmani kerana kognitif berkaitan dengan intelek, psikomotor pula berkaitan dengan jasmani manakala afektif melibatkan rohani dan emosi. Sebagaimana aspek intelek dan jasmani, rohani dan aspek emosi sangat penting dalam kurikulum semua mata pelajaran kerana aspek rohani dan aspek emosi memainkan





peranan penting dalam pembentukan warganegara Malaysia yang bakal menjadi sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri seperti yang digagaskan dalam Wawasan 2020. Institut Kefahaman Islam Malaysia (2005) menghuraikan bahawa pembangunan negara dalam pelbagai dimensi seperti aspek politik, sosial, nilai, kerohanian, psikologi dan budaya merupakan antara ciri sebuah negara maju mengikut acuan sendiri. Malaysia tidak perlu meniru negara-negara maju lain yang mungkin tampak gah dengan pelbagai bentuk kemajuan tetapi masih menghadapi masalah keruntuhan moral. Oleh itu, Malaysia pada tahun 2020 sewajarnya bakal maju dengan acuan yang jauh lebih baik iaitu semakin maju negara, semakin tinggi nilai-nilai murni yang diamalkan oleh rakyat Malaysia.



Sejak tahun 1957, ahli-ahli golongan dominan seperti ahli politik telah memilih sistem pendidikan sebagai pentas untuk merealisasikan agenda perpaduan selepas kemerdekaan. Nik Aziz Nik Pa dan Noraini Idris (2008) menyatakan bahawa antara usaha yang dilaksanakan ialah menyeragamkan kurikulum, menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantara yang rasmi, dan mewujudkan sekolah kebangsaan untuk pelbagai kaum. Peranan sistem pendidikan yang meninggalkan impak yang besar menyebabkan sistem pendidikan juga dipilih sebagai wadah untuk merealisasikan hasrat negara untuk melahirkan masyarakat maju yang mengamalkan nilai-nilai murni yang unggul menjelang tahun 2020. Strategi pelaksanaan impian menjadi negara maju mengikut acuan sendiri dilaksanakan melalui sistem pendidikan. Justeru itu, kurikulum yang dibina di Malaysia menitikberatkan penerapan nilai-nilai murni secara langsung dan tidak langsung.





Penerapan nilai-nilai murni secara langsung adalah melalui kandungan kurikulum mata pelajaran. Sebagai contoh dalam kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima, nilai-nilai murni diterapkan secara langsung menerusi topik Adab dan Akhlak Islamiah iaitu melibatkan subtopik Adab Bermusafir, Adab Bernegara, Adab dengan Pemimpin, Adab Berjuang (Berjihad), Adab Menjaga Alam, Adab Memberi dan Menerima Sedekah atau Hadiah, serta Adab Berjual Beli (Mohd Zaini Yahya, Zamri Abd Rahim & Afandi Sahy, 2006). Menurut Kaladevi Arumugam, Chang dan Napisah Muhammad (2010), dalam mata pelajaran Pendidikan Moral pula, nilai-nilai murni menjadi topik utama dalam setiap bab dan diterapkan secara langsung menerusi kandungan kurikulum. Contohnya, bab 1 dalam buku teks Pendidikan Moral Tingkatan Lima memaparkan nilai yang perlu dipelajari iaitu nilai hemah tinggi. Nilai ini diterapkan kepada pelajar menerusi topik 1.5 iaitu Hemah Tinggi Membentuk Peribadi Mulia. Kandungan topik ini menghuraikan tentang keperibadian mulia tokoh-tokoh ahli fikir dan tokoh-tokoh negara yang perlu dicontohi seperti Imam Al-Ghazali dan Mahatma Ghandi. Sebagai hasil pembelajaran, pelajar akan mengamalkan sikap hemah tinggi seperti mana tokoh-tokoh yang berperibadi mulia seperti yang dihuraikan dalam topik 1.5. (Kaladevi Arumugam *et.al*, 2010). Selain daripada itu, nilai-nilai murni juga turut diterapkan secara langsung melalui kurikulum mata pelajaran yang lain.





Nilai-nilai murni disampaikan secara tidak langsung melalui penerapan nilai-nilai murni menerusi aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Contohnya apabila guru Sains meminta para pelajarnya membuat eksperimen secara berkumpulan, guru dapat memantau secara praktikal sama ada para pelajar mengamalkan nilai-nilai murni ketika bekerja dalam kumpulan seperti nilai bekerjasama dan nilai toleransi. Dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup pula, guru berpeluang menerapkan nilai-nilai murni ketika melatih para pelajar menjaga harta benda sekolah. Nilai amanah dan kejujuran dapat dipupuk ketika para pelajar dipertanggungjawabkan untuk menjaga alatan dan bahan yang disediakan di bengkel Kemahiran Hidup misalnya peralatan memasak, bahan makanan, komponen-komponen elektronik, barangan elektrik, dan sebagainya.



Komponen Kesusasteraan (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan antara mata pelajaran yang mempunyai ruang yang luas untuk menerapkan nilai-nilai murni sama ada secara langsung atau tidak langsung. Karya-karya sastera memaparkan pengalaman dan kehidupan manusia serta menyerlahkan mesej yang ingin disampaikan, yang mencerminkan falsafah dan pandangan hidup yang menjadi pegangan. Nilai-nilai murni yang ingin diterapkan perlu diterjemahkan dalam bentuk penghayatan dalam kalangan pelajar melalui pelbagai aktiviti yang sesuai, sama ada dalam bentuk perbincangan, penilaian, kritikan, penghayatan, iktibar, renungan, pengamatan dan sebagainya. Dalam kurikulum, pelaksanaan domain afektif ini melalui KOMSAS Bahasa Melayu yang selaras dengan matlamat pendidikan Kesusasteraan Melayu:





Pembelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat menengah bertujuan untuk memberikan pengetahuan kepada pelajar tentang unsur-unsur kesusasteraan dan nilai-nilai murni agar mereka dapat menghayati dan menghargai bahasa, kesusasteraan dan nilai masyarakat Melayu. Melalui bahan sastra dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, para pelajar akan dididik untuk berfikir secara analitis, kritis dan kreatif. Selanjutnya diharapkan mereka akan mampu meningkatkan keupayaan berbahasa dan membina kepekaan estetik apabila membaca dan mengkaji hasil sastra Melayu.”(Kementerian Pendidikan Malaysia, Sukatan Pelajaran KBSM: Kesusasteraan Melayu, 2008).

Justeru, domain afektif yang melibatkan emosi dan rohani adalah selaras dengan matlamat pendidikan Kesusasteraan Melayu serta memenuhi dua daripada empat keperluan FPK yang mengutamakan asas pembangunan iaitu intelek, rohani, emosi dan jasmani dalam setiap diri pelajar demi melahirkan individu yang berkebolehan secara seimbang dan holistik. Dalam konteks mata pelajaran Bahasa Melayu, selain daripada memupuk minat membaca dan memperkukuh kemahiran berbahasa, KOMSAS juga berperanan dalam pembentukan sahsiah pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000a). Pembentukan sahsiah pelajar dilaksanakan menerusi penerapan nilai-nilai murni secara langsung menerusi teks novel KOMSAS.





Novel yang menggunakan kaedah penceritaan atau fiksyen mengandungi nilai-nilai murni yang perlu dianalisis oleh para pelajar. Contohnya, nilai baik hati dapat diterapkan kepada pelajar menerusi nilai baik hati dalam ilustrasi watak yang digambarkan oleh penulis. Secara langsung pelajar akan membaca, menghayati dan dipupuk untuk mencontohi nilai baik hati yang dipaparkan oleh watak dalam novel. Keberkesanan perlaksanaan strategi secara langsung dan secara tidak langsung ini diharapkan akan menghasilkan rakyat Malaysia yang memenuhi kriteria warganegara sebuah negara maju mengikut acuan sendiri.

1.3 Pernyataan Masalah



Hasrat FPK yang mahu melahirkan individu yang holistik telah pun diterjemahkan dalam pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) sejak 2001 sehingga 2010. Menurut Pati Anak Aleng (2014), enam teras strategi yang dilaksanakan berdasarkan PIPP bertujuan membangunkan modal insan di negara kita. Bermula tahun 2013 sehingga 2025, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang diperkenalkan masih menekankan pembentukan modal insan. Terdapat enam kualiti yang dituntut oleh PPPM dalam diri generasi muda iaitu kemahiran berfikir, kemahiran dwibahasa, pengetahuan, kemahiran memimpin, identiti kebangsaan, etika dan kerohanian. Keenam-enam kualiti ini mustahil dapat dibangunkan sekiranya pelaksanaan dalam sistem pendidikan terlepas pandang akan penekanan tentang





mana-mana aspek sama ada aspek kognitif, afektif mahupun psikomotor yang seharusnya berdiri sama penting agar visi pendidikan negara melahirkan masyarakat maju mengikut acuan sendiri dapat direalisasikan.

Menurut Tyler (1949), pencapaian matlamat pendidikan dipengaruhi oleh faktor keberkesanan sesebuah kurikulum itu dirancang. Kurikulum yang digubal hendaklah selaras dengan kehendak matlamat yang ingin dicapai. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah digubal pada tahun 1987. Penyemakan kurikulum pada tahun 2002 adalah bertujuan untuk memantapkan kandungan kurikulum, memenuhi hasrat FPK dan menyediakan pelajar bagi menghadapi cabaran pendidikan pada abad 21 (Abdul Shukor Abdullah, 2000). Menurut Muhd Rasdi Saamah (2009), kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu dalam KBSM mengalami perubahan setelah disemak semula selepas digunakan selama lebih 10 tahun. Namun perubahan hasil semakan kurikulum pada tahun 2002 sama sekali tidak mengubah matlamat asal pendidikan Bahasa Melayu yang bertujuan mendukung hasrat FPK untuk memperkembangkan keempat-empat potensi diri secara holistik iaitu dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani.

Kurikulum Bahasa Melayu telah digubal berdasarkan penggunaan bahasa yang merangkumi tiga bidang utama iaitu Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat dan Bidang Estetika (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000b). Penumpuan kepada ketiga-tiga bidang berkenaan adalah bertujuan untuk membolehkan pelajar menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian, bidang





kerjaya, dan seterusnya sebagai bahasa ilmu yang boleh dimanfaatkan sepanjang hidup mereka. Dalam hasil pembelajaran Bidang Estetika, pelajar akan memahami, menguasai, dan menghasilkan penulisan kreatif. Sehubungan dengan itu, KOMSAS telah dimasukkan dalam perubahan sukatan hasil semakan pada tahun 2002 dengan harapan akan dapat memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera. Oleh itu, pelaksanaan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah diperkenalkan pada tahun 2000.

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5/2000 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000b), pelaksanaan Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar, serta memperkukuhkan kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis. Di samping itu, pengajaran KOMSAS diharap dapat menyumbang kepada pembentukan sahsiah, peluasan pengetahuan dan persepsi pelajar, serta meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang kemanusiaan, kemasyarakatan dan budaya. Bersandarkan matlamat pelaksanaan KOMSAS yang disasarkan, novel-novel sastera dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan diwajibkan sebagai bahan pembelajaran KOMSAS dalam kurikulum Bahasa Melayu kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Hasil penyelidikan kesesuaian pemilihan teks bagi genre cerpen dan novel KOMSAS dalam Pendidikan Bahasa Melayu oleh Ariff Mohamad (2009) telah





menyenaraikan sebanyak enam kriteria yang perlu diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum memilih mana-mana teks untuk dijadikan bahan pembelajaran. Enam kriteria tersebut ialah teks yang mudah difahami dan menarik, berupaya meningkatkan kemahiran bahasa pelajar, mengandungi nilai murni, mempunyai ciri baik dan berkualiti, sesuai dan dapat dihayati serta popular. Justeru, ciri ketiga iaitu mengandungi nilai murni merupakan kriteria yang penting kerana menuntut kandungan nilai-nilai murni dalam teks KOMSAS.

Walau bagaimanapun, di peringkat pemilihan teks sebagai bahan sumber pembelajaran, para panel penilai novel KOMSAS hanya mengenal pasti nilai-nilai murni secara rambang dan subjektif tanpa dibekalkan sebarang instrumen yang khas untuk mengenal pasti nilai-nilai murni (Abdul Halim Ali, 2016). Sebagai bekas ahli panel yang terlibat dalam pemilihan teks di peringkat kementerian, Abdul Halim Ali (2016) menjelaskan bahawa jenis nilai murni yang ingin diketengahkan juga tidak disyaratkan secara terperinci. Ketiadaan kriteria nilai murni yang jelas menimbulkan keraguan sama ada matlamat pembelajaran KOMSAS yang diharapkan benar-benar dicapai menerusi bahan pengajaran dan pembelajaran yang dipilih oleh KPM walhal bahan yang digunakan dalam sesi akademik merupakan salah satu aspek penting dalam pembinaan kurikulum (Tyler, 1949). Seterusnya, penilaian sesebuah bahan hendaklah melalui proses yang ketat dan rapi agar matlamat pendidikan yang diinginkan tercapai sekali gus mewujudkan pengalaman pembelajaran yang berkesan ke atas diri pelajar (Stufflebeam, 1985).

